

Lelaki didenda gara-gara terjun dari Jambatan Darul Hana

KUCHING: Seorang lelaki didenda RM200 atau penjara dua hari jika gagal membayar oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah terjun dari Jambatan Darul Hana ke Sungai Sarawak, bulan lalu.

Majistret Ling Hui Chuan menjatuhkan hukuman itu terhadap Mohamad Sufian Daud, 25, selepas tertuduh mengaku bersalah atas pertuduhan mengikut Seksyen 268 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 290 kanun sama.

Mengikut pertuduhan, tertuduh melakukan kesalahan itu kira-kira jam 10.30 malam pada 23 Julai lalu apabila bertindak terjun dari Jambatan Darul Hana ke Sungai Sarawak sehingga menyebabkan gangguan dan kesulitan kepada orang awam yang menggunakan jambatan berkenaan.

Fakta kes menunjukkan polis memulakan siasatan selepas menerima maklumat mengenai satu rakaman video yang dimuat naik di Facebook memaparkan seorang individu terjun dari Jambatan Darul Hana di Tebingan Kuching.

Hasil siasatan mengesahkan tertuduh merupakan individu yang terlibat dalam kejadian



MENGAKU BERSALAH: Tertuduh tiba di Kompleks Mahkamah Kuching, semalam.

tersebut.

Ketika prosiding, Mohamad Sufian memberitahu mahkamah bahawa sebelum kejadian, beliau sedang berbual bersama beberapa rakannya di atas jambatan sebelum perbualan mereka didengari sekumpulan pelancong dari Semenanjung Malaysia.

Lelaki didenda gara-gara terjun dari Jambatan Darul Hana

► Dari Muka 1

Menurutnya, beliau secara bergurau bertanya kepada rakannya sama ada mereka percaya dia berani terjun dari jambatan berkenaan.

“Tetapi seorang daripada mereka menyindir dan men-

cabar saya supaya terjun jika benar-benar berani.

“Sayakemudianbertanyaapa yangsayaakan dapat jikaterjun dan mereka menjawab akan memberikan wang,” katanya.

Bagaimanapun, tertuduh menegaskan beliau bukan terjun kerana wang, sebaliknya

mahu membuktikan dirinya benar-benar ‘anak Sarawak’ selepas berasa tercabar dengan kata-kata tersebut.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Afiq Safly Nor Kazly, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.